

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 18/9/2013

Muka surat: 5

Tajuk : Jurutera Perlu Fahami Ciri-ciri Tanah Lembut.

Jurutera perlu fahami ciri-ciri tanah lembut

KUCHING: Jurutera di negara dan negeri ini perlu memahami secara mendalam mengenai ciri-ciri tanah lembut (soft soil), yang merupakan cabaran penting dalam bidang pekerjaan mereka.

Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud berkata, dengan itu ia akan memberi perspektif baharu dalam struktur interaksi tanah lembut untuk tujuan pembangunan.

"Teknik inovatif makmal, model fizikal dan nombor serta teori analitikal dan model ju-zuk akan memberi prespektif baharu dalam struktur interaksi tanah lembut.

"Malahan eksperimen bidang berskala besar juga akan memberi maklumat penting serta pemerhatian terhadap tingkah laku prototaip," katanya melalui teks ucapannya yang dibaca oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Dato Sri Michael Manyin Jawong ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan mengenai Tanah Lembut 2013 (SEIC'13) di sini, semalam.

Persidangan selama tiga hari bermula semalam merupakan anjuran Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama tujuh organisasi kerajaan negeri termasuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

Tambah Taib, dengan bertemakan 'Cabaran Tanah Lembut kepada Kejuruteraan dan Penyelesaian Mapan', persidangan itu diyakini akan mend-

edahkan cabaran sebenar kepada tanah lembut khususnya di Sarawak.

Difahami di Sarawak 15 peratus daripada keseluruhan tanahnya kini diliputi oleh tanah gambut.

"Penemuan, idea-idea dan pandangan yang dikemukakan dalam persidangan ini akan membolehkan pakar dan penyelidik menyediakan penyelesaian bernilai dan berkesan demi manfaat kepada pembangunan negara amnya dan Sarawak khususnya," katanya.

Beliau pada masa yang sama berharap penyertaan beberapa syarikat berpangkalan di Sarawak dalam persidangan itu akan memberi impak bermakna kepada pembangunan negeri ini.

Jelasnya penyelidikan mengenai tanah lembut yang dijalankan di UTHM Johor juga akan dikendalikan di Sarawak ekoran daripada keadaan geografi yang sama di kedua-dua lokasi.

"Saya yakin melalui kerjasama dengan UTHM khasnya melalui Pusat Kecemerlangan RECESS mereka dan pelbagai organisasi (dalam persidangan) akan menyediakan impak positif dan penemuan baharu.

"Ini akan membantu menyelesaikan beberapa kesukaran, termasuk membangunkan kawasan sedemikian," tegas Taib.

Majlis dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM Tan Sri Dr Jamilus Md Hussin, Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Pengerusi SEIC'13 Profesor Dr Ismail Bakar.